

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/1990

Oktober/November 1989

BPI 453/3 Penyakit Tanaman Malaysia

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BPI 453/3)

1. (a) Di kalangan penyakit-penyakit akar yang menyerang pokok getah, penyakit yang manakah yang paling serius dan berikan sebab-sebabnya.

(5 markah)

- (b) Huraikan cara bagaimana mengesan pokok getah yang diserang oleh penyakit akar dan cara merawat akar pokok tersebut.

(15 markah)

2. Kulat *Phytophthora* telah diketahui menyerang beberapa jenis penyakit tanaman ekonomi di Malaysia. Bincangkan tiga penyakit-penyakit yang paling serius yang disebabkan oleh kulat *Phytophthora* sp. terhadap tanaman ekonomi di Malaysia.

(20 markah)

3. Penyakit antraknos semaian atau penyakit daun muda kelapa sawit telah dikaitkan dengan beberapa jenis kulat. Bincangkan gejala yang ditunjukkan oleh serangan kulat-kulat tersebut dan cara-cara pengawalannya.

(20 markah)

...3/-

(BPI 453/3)

4. Bincangkan penyakit melecur yang sering menyerang anak-anak beneh. Hadkan jawapan anda kepada gejala penyakit, cara pemerebakan, organisma penyebab dan tanaman yang terlibat serta langkah-langkah kawalan.

(20 markah)

5. (a) Bezakan gejala-gejala penyakit layu yang disebabkan oleh patogen-patogen dan namakan patogen berkenaan serta tanaman yang diserang.

(10 markah)

- (b) Bincangkan penyakit pokok pisang yang disebabkan oleh Fusarium oxysporum.

(10 markah)

6. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan kesan sinergism dan berikan satu contoh.

(5 markah)

- (b) Bincangkan satu penyakit kompleks yang melibatkan nematod pada sejenis tanaman yang anda pilih dengan menghuraikan peranan organisma yang terlibat dan cara-cara mengawalinya.

(15 markah)

-ooo0ooo-